

# Buletin KUALITI FPM

<http://fim.uitm.edu.my>

Jilid 2, No. 1, Jun 2015 ISSN 2289-7461

Unit Pengurusan Kualiti, Fakulti Pengurusan Maklumat

Groom to Bloom Series

2

Persediaan Audit Swaakreditasi

4

Audit Swaakreditasi 2015

7

Audit Fail Kursus oleh  
Pasukan Audit Dalam

11

Audit Pengendalian & Pemarkahan  
Kertas Jawapan Peperiksaan Akhir

12



Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Shahibi  
Dekan Baharu Fakulti Pengurusan Maklumat

## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Shahibi

### Ketua Editor

Prof. Dr. Norliya Ahmad Kassim

### Editor

Dr. Wan Satirah Wan Mohd. Saman

Dr. Nurussobah Hussin

Nor Zaina Zaharah Mohamed Ariff

Kasmarini Baharuddin

### Pereka Grafik

Mohd Zairul Masron

# *Sekapur Sireh*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia

Segala puji ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan Buletin Kualiti FPM edisi kali ini. Tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi Buletin Kualiti FPM di atas segala usaha untuk menyiapkan buletin kualiti fakulti ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan Fakulti Pengurusan Maklumat kerana telah memberi ruang kepercayaan untuk saya menjalankan tugas sebagai Dekan di fakulti ini. Kepercayaan yang diberi oleh pihak pengurusan UiTM akan digalas dengan penuh rasa tanggungjawab dan dedikasi untuk FPM.



Bidang akademik seharusnya sejajar dengan era terkini transformasi maklumat global dan komprehensif. Justeru itu, saya menyeru agar tenaga pengajar kita juga bergerak seiring dengan perubahan era transformasi ini supaya kita sama-sama maju dalam arus pemodenan dan sentiasa kukuh menjulang profesionalisme akademik dan sekaligus memartabatkan status UiTM sebagai pusat pendidikan global seantero dunia.

Kepakaran dalam pelbagai bidang khususnya dalam pengurusan maklumat melahirkan para graduan yang menjadi daya penggerak utama bagi pembangunan masyarakat yang berasaskan pengetahuan, menjadikan Malaysia sebuah negara maju, memastikan bahawa ilmu pengetahuan diuruskan secara teratur, dikekalkan dan dipertingkatkan untuk nilai yang optimum.

Akhir kata, saya memohon kakitangan Fakulti supaya berusaha dengan lebih gigih untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta mengekalkan kecemerlangan Fakulti Pengurusan Maklumat.

Sekian, terima kasih.

**Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Shahibi**  
**Dekan**  
**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Kampus Puncak Perdana**

## GROOM TO BLOOM SERIES

### Bengkel bertemakan “The Nuts and Bolts of Writing a Conceptual Paper” Kasmarini Baharuddin

**GROOM TO BLOOM SERIES** yang ketiga diteruskan lagi oleh penceramah yang aktif dalam bidang penyelidikan dan penulisan, Prof Dr Norliya Ahmad Kassim dengan siri yang bertemakan “The Nuts and Bolts of Writing a Conceptual Paper”. Bengkel ini telah dijalankan pada 4 April 2015 (Sabtu) di Anjung Professor, UiTM Puncak Perdana. Bilangan peserta pada kali ini adalah seramai 16 orang yang terdiri daripada para pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Pegawai Pentadbiran dari UiTM Kampus Sungai Buloh, dan juga para pelajar pasca siswazah dari Fakulti Pengurusan Maklumat.

Siri yang seterusnya akan diteruskan lagi dengan tema yang berlainan dan lebih menarik mengenai kaedah penulisan “Empirical Paper”. Diharapkan agar lebih ramai peserta yang akan mengikuti bengkel seumpama ini di masa akan datang memandangkan majlis perkongsian ilmu ini memberikan impak yang sangat positif dalam menaikkan semangat kakitangan akademik, pelajar mahupun sesiapa sahaja yang mengikutinya dalam menghasilkan penulisan dan penyelidikan yang lebih baik dan berkualiti.



Sebahagian peserta bengkel “Groom to Bloom” bersama Prof. Dr. Norliya Ahmad Kassim



Suasana semasa bengkel “Groom to Bloom Series”

# PERSEDIAAN AUDIT SWAAKREDITASI

## FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Nor Zaina Zaharah Hj. Mohamad Ariff

UiTM telah dipelawa oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk diberikan status swaakreditasi dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Pelawaan ini merupakan satu pengiktirafan yang bermakna buat UiTM khususnya.

Taklimat kepada semua universiti yang dipelawa telah diadakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 20 Mei 2014. UiTM tertakluk kepada audit institusi yang akan dilakukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia MQA. Sebagai badan yang menguruskan semua hal ehwal kualiti, *Institute Quality and Knowledge Advancement* (InQKA), telah diamanahkan untuk menyediakan laporan Portfolio Penilaian Kendiri UiTM (*Self Review Portfolio* atau SRP) untuk kegunaan audit tersebut dan juga menyelaras lawatan audit oleh MQA pada tahun ini.

Penyediaan SRP ini merupakan satu tugas berat buat InQKA kerana antara cabaran besar yang dihadapi oleh pasukan penulis ialah mengumpulkan maklumat dan bukti-bukti berkaitan bagi proses-proses yang dinyatakan di dalam laporan tersebut. Walaubagaimanapun, satu laporan *Self Review Portfolio* (SRP) telah berjaya disiapkan dan telah dihantar ke pihak InQKA.

Pihak InQKA mengadakan lawatan ke kampus dan fakulti dalam memastikan PTJ telah bersedia untuk diaudit. Semua pihak di dalam kerangka UiTM telah terlibat di berbagai peringkat dan InQKA berharap agar semua pihak membuat persiapan awal. Dengan Laporan SRP tersebut, pasukan audit daripada MQA telah dapat menjalankan penilaian dengan lebih mudah dan seterusnya ini dapat melayakkan UiTM diberi status swaakreditasi.

Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) sentiasa bersedia memberikan yang terbaik untuk menyediakan dan menambah baik dokumen-dokumen yang diperlukan bagi audit swaakreditasi ini. Persediaan awal telah diatur dengan mengadakan beberapa mesyuarat dan perbincangan. Unit Pengurusan Kualiti, FPM mengambil inisiatif ini untuk menerajui proses-proses semakan dan penambahbaikan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi audit swaakreditasi ini. Semua kakitangan telah bekerjasama, daripada peringkat pengurusan tertinggi fakulti sehinggalah ke peringkat pentadbiran dan sokongan.

Antara fail-fail dokumen yang perlu diberi perhatian untuk ditambahbaik adalah seperti Fail Prosedur Kualiti Operasi, Fail Prosedur Kualiti Pengurusan, Fail Dokumen Sokongan termasuk fail-fail pengajaran dan pembelajaran Program Ijazah Sarjana Muda serta Program Pascasiswazah.

Pasukan Audit Dalam Fakulti telah mengambil inisiatif menjalankan audit dalaman bagi menyemak semua fail-fail dokumen yang dinilai semasa audit swaakreditasi berlangsung. Satu mesyuarat pengemaskinian prosedur operasi bagi persediaan audit dalaman FPM dan InQka telah dijalankan pada 18 Mac 2015 dan telah dihadiri oleh ramai wakil pengurusan tertinggi fakulti serta pensyarah-pensyarah yang terlibat.



Mesyuarat Persediaan Audit pada 22 Januari 2015



Perbincangan dan pemeriksaan fail pengajaran dan pembelajaran serta fail-fail prosedur operasi fakulti oleh Pasukan Audit Dalam di Bilik ISO, FPM pada 5 Februari 2015



Proses audit fail pengajaran dan pembelajaran bagi semua program Fakulti Pengurusan Maklumat pada 9 Februari 2015

# AUDIT SWAAKREDITASI

## FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

2015

**Prof. Dr. Norliya Ahmad Kassim, Mohd Jailani Paiman,  
Nor Zaina Zaharah Mohamad Ariff & Kasmarini Baharuddin**

Akreditasi program akademik merupakan satu perakuan rasmi kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau dikenali juga sebagai Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bahawa sijil seperti diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh badan akreditasi. Swaakreditasi atau 'Self-Accreditation' pula adalah satu status yang melayakkan sesebuah IPT/PPT mengakreditasi sendiri program pengajian tanpa perlu mendapatkan kelulusan *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) (hanya perlu dimaklumkan sahaja). Namun begitu ia masih tertakluk kepada audit pemantauan secara berterusan oleh pihak MQA.

Audit Swaakreditasi 2015 telah dijalankan di Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana pada hari Selasa 26 Mei 2015. Tujuan Audit Swaakreditasi oleh MQA ini diadakan ialah untuk menilai atau mengukur sejauh mana Universiti Teknologi MARA (UiTM) benar-benar bersedia untuk mengakreditasi program-programnya sendiri serta ingin meneliti pelaksanaan proses dan peranan dilaksanakan yang berhubung kait dengan fakulti dan Universiti.

Prof. Dr. Norliya Ahmad Kassim, selaku Ketua Unit Kualiti FPM bersama-sama para *Auditor* serta Pasukan Unit Kualiti telah bekerjasama erat dalam memastikan perjalanan aktiviti audit pada hari tersebut berjalan lancar dan memenuhi segala kriteria yang telah ditetapkan. Puan Hairani Wahab selaku *fellow InQKA* turut bersama-sama menyertai tugas persediaan dan memberikan nasihat serta berkongsi pengetahuan dalam menghadapi Audit Swaakreditasi.






Fakulti Pengurusan Maklumat yang juga selaku penganjur turut membantu Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA) dalam membuat persiapan menerima para *Auditor*. Dua (2) orang *Auditor* yang terlibat pada hari tersebut ialah Prof. Dr. Wan Salihin Wong Abdullah, Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Dr. A.S. Hardy Shafii, Timbalan Dekan (Penyelidikan) dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Perjalanan Audit dibahagikan kepada dua (2) sesi iaitu sesi pagi dan juga sesi petang. Sesi pagi melibatkan dialog di antara *Auditor* dan Dekan Fakulti, Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Koordinator Program serta pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar manakala sesi petang hanya melibatkan aktiviti semakan dokumen sokongan.

Hasil dari segala perancangan awal secara pengumpulan dokumen yang telah dilakukan, proses audit telah berjalan dengan lancar. Audit Swaakreditasi di Fakulti Pengurusan Maklumat berakhir pada jam 5 petang dan berkesudahan dengan baik sekali. Pihak Dekan FPM telah merakamkan sekalung penghargaan kepada semua AJK yang terlibat dalam menayakan aktiviti audit ini. Tahniah FPM!



Persediaan Menghadapi Audit Swaakreditasi 2015





## Audit Fail Kursus oleh Pasukan Audit Dalam

### Fakulti Pengurusan Maklumat 9 Februari 2015

Mohd Jailani Paiman

Audit Fail Kursus telah berlangsung pada 9 dan 12 Februari 2015 dan disertai oleh semua anggota Pasukan Audit Dalam.

Aktiviti audit yang dijalankan antaranya ialah menyemak semua fail kursus dari program-program IM244, IM245, IM246 dan IM247 yang ditempatkan di bilik ISO/Kualiti. Berdasarkan senarai semak audit, terdapat beberapa penemuan yang harus ditambah baik dan ianya telah dilaporkan untuk diambil tindakan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Tujuan utama audit ini dijalankan ialah untuk memastikan semua fail kursus dikemaskini agar ia sentiasa relevan dengan pengajaran dan pembelajaran semasa. Aktiviti audit juga dilakukan berdasarkan laporan *ERR (External Review Report)* InQKA 2013.

Terima kasih diucapkan kepada semua anggota Pasukan Audit Dalam, Ketua Pusat Pengajian dan *auditee (Resource Person)* kursus masing-masing.



Suasana audit fail kursus di Fakulti Pengurusan Maklumat

# Audit Pengendalian dan Pemarkahan Kertas Jawapan Peperiksaan Akhir

## Fakulti Pengurusan Maklumat

16- 17 Februari 2015

Mohd Jailani Paiman

Audit Pengendalian dan Pemarkahan Kertas Jawapan Peperiksaan Akhir telah berlangsung pada 16-17 Februari 2015. Audit tersebut dilakukan susulan daripada laporan *ERR (External Review Report)* oleh InQKA 2013 yang telah mencatat dan melaporkan beberapa penemuan yang boleh menjejaskan proses pengendalian dan pemarkahan kertas jawapan peperiksaan akhir. Adalah hasrat fakulti, agar segala teguran telah diambilkira dan beberapa langkah penambahbaikan telah dilakukan untuk mengatasi segala isu. Juga, adalah menjadi tanggungjawab Pasukan Audit Dalam (PAD) dalam memastikan isu ketidakpatuhan dan pelanggaran tatacara seperti yang dilaporkan, telah dapat di atasi dengan mengambil dan mencadangkan beberapa langkah pencegahan dan penambahbaikan. Pihak pengurusan pula boleh membincangkan dan mengambil langkah proaktif melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang dianggotai oleh pihak pengurusan tertinggi fakulti. *Auditee* juga bertanggungjawab agar tidak mengulangi perkara atau isu yang telah dicatat dan dilaporkan.

Pasukan Audit Dalam (PAD) yang dilantik telah melakukan beberapa pemeriksaan dokumen untuk memastikan warga fakulti melaksanakan tanggungjawab berlandaskan prosedur dan manual kualiti. Akur dan patuh kepada peraturan dan prosedur yang telah sedia ada, akan menjamin dan memelihara akauntabiliti dan integriti pensyarah terutamanya dalam melahirkan graduan profesional dan berkualiti.



Suasana audit pengendalian dan pemarkahan kertas jawapan peperiksaan akhir

Fakulti Pengurusan Maklumat

# HIMPUNAN DOA

Dikumpulkan oleh: Puan Kasmarini Baharuddin

## Doa Agar Negara Makmur, Aman Dan Damai

*Ya Tuhan kami, jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian. Allah berfirman : “ Dan kepada orang yang kafir pun Aku beri kesenangan sementara, kemudian Aku paksa ia menjalani seksa neraka. Itulah seburuk-buruk tempat kembali” (Al Baqarah, 2; 126)*

## Doa Selamat Dunia Akhirat

*Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan (pula) di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka. (Al Baqarah, 2; 201)*

## Doa Mohon Rezeki Tanpa Batas

*Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup. Dan Engkau beri rezeki siapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab (batas). (Ali Imran, 3; 27)*

## Doa Mohon Kekuatan

*Ya Tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang berlebihan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami terhadap kaum yang kafir. (Ali Imran, 3; 147)*

### **Doa Mohon Terbuka Segala Urusan**

*Ya Tuhan kami, putuskanlah perkara antara kami dengan kaum kami dengan hak (adil) dan Engkaulah sebaik-baik Pemberi keputusan. (Al A'raaf, 7; 89)*

### **Doa Keluar dari Kesulitan**

*Ya Tuhan, berilah kami rahmatMu, dan siapkanlah petunjuk (jalan keluar) dalam urusan kami. (Al Kahfi, 18; 10)*

### **Doa Mohon Ampunan dan Kasih Sayang Allah**

*Ya Tuhan kami, kami telah beriman, maka ampunilah kami, rahmatilah kami dan Engkaulah sebaik-baik Pemberi rahmat. (Al Mu'minuun, 23; 109)*

### **Doa Mohon Dihindarkan dari Kejahatan**

*Dan hindarkanlah mereka (dari) kejahatan. Dan barangsiapa yang Engkau hindarkan (dari) kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau memberi rahmat kepadanya dan itulah kemenangan yang besar. (Al Mu'min, 40; 9)*

### **Doa Mohon Terhindar dari Fitnah**

*Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan kami fitnah bagi orang-orang kafir, dan ampunilah kami ya Tuhan kami. Sesungguhnya Engkau adalah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (Al Mumtahanah, 60; 5)*



**Buletin** <http://fim.uitm.edu.my>  
**KUALITI FPM**

Unit Pengurusan Kualiti  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kampus Puncak Perdana  
No.1, Jalan Pulau Angsa AU 10/A,  
Seksyen U10, 40150 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03- 7962 2000 Fax: 03- 7962 2007  
Web: <http://fim.uitm.edu.my/>